



📷 Bahasa Melayu perlu terus diperkasakan agar kekal menjadi bahasa ilmu, bahasa ekonomi dan bahasa masa depan negara. - Foto Hiasan Janaan AI

PENDAPAT RENCANA

Pemeriksaan bahasa Melayu dalam industri sebagai identiti, daya saing negara



Khadijah Mohamad Nor ✉ • May 15, 2026 👁 583 📖 3 minutes read

DALAM keghairahan negara mengejar kemajuan ekonomi dan pembangunan industri, bahasa Melayu semakin berdepan cabaran yang semakin kompleks.

Ketahui lebih lanjut

Berita hiburan

Iklan berita

Rujukan Geografi

Bahasa kebangsaan yang suatu ketika dahulu menjadi lambang pentadbiran, pendidikan dan [komunikasi](#) masyarakat kini dilihat semakin terpinggir dalam sektor profesional dan korporat.

Banyak syarikat lebih cenderung menggunakan bahasa asing dalam urusan rasmi, mesyuarat, pemasaran dan pengiklanan atas alasan nilai komersial serta tuntutan globalisasi.


Keadaan ini menimbulkan persoalan besar tentang kedudukan bahasa Melayu dalam dunia industri moden.



Sikap malu menggunakan bahasa Melayu dalam sektor profesional perlu diubah kerana bahasa kebangsaan ialah lambang maruah negara.

Hakikatnya, pemeraksanaan bahasa Melayu dalam industri bukan sekadar isu bahasa, tetapi berkait rapat dengan identiti nasional, pembangunan modal insan dan kedaulatan negara.

Related Articles



**Kursi Pengajian
Melayu bakal
ditubuhkan di
universiti Rusia**

🕒 October 11, 2024



**Fadhlinah seru
Ahli Parlimen
tidak bersikap
jumud dalam
martabat
bahasa Melayu**

🕒 November 11,
2024



Bahasa ialah cerminan tamadun dan kekuatan
sesebuah bangsa. Negara maju seperti Jepun,
Korea Selatan dan China membuktikan bahawa
kemajuan teknologi dan ekonomi tidak
semestinya meminggirkan bahasa sendiri.

Mereka tetap menjadikan bahasa kebangsaan sebagai medium utama dalam
sektor industri dan profesional tanpa menolak kepentingan bahasa
antarabangsa.

Ketahui lebih lanjut

Berita jenayah

Ekologi & Alam Sekitar

Berita semasa

Di Malaysia, terdapat tanggapan bahawa penggunaan bahasa Inggeris lebih melambangkan profesionalisme dan kemodenan. **Koperasi Malaysia**

Fenomena ini dapat dilihat melalui iklan pekerjaan, nama premis perniagaan, dokumentasi korporat dan kandungan pemasaran yang semakin banyak menggunakan bahasa asing.

Malah, ada syarikat yang meletakkan syarat penguasaan bahasa Inggeris yang tinggi walaupun pekerjaan tersebut melibatkan pelanggan tempatan sepenuhnya.

Secara tidak langsung, keadaan ini membentuk persepsi bahawa bahasa Melayu kurang bernilai dalam dunia pekerjaan dan industri.

Pemikiran sedemikian perlu diperbetulkan. Bahasa Melayu sebenarnya mempunyai potensi besar sebagai bahasa industri dan ekonomi, khususnya dalam konteks tempatan.



Bahasa Melayu sebenarnya mempunyai potensi besar sebagai bahasa industri dan ekonomi, khususnya dalam konteks tempatan. – Foto Hiasan

Dalam sektor pengeluaran, perkilangan dan perkhidmatan misalnya, penggunaan bahasa Melayu yang jelas dan mudah difahami mampu meningkatkan keberkesanan komunikasi antara pekerja dan pihak pengurusan.

Ketahui lebih lanjut

Berita ekonomi

kertas

Berita

Manual keselamatan, prosedur operasi standard dan latihan teknikal yang menggunakan bahasa yang dekat dengan pekerja dapat mengurangkan salah faham serta meningkatkan tahap keselamatan di tempat kerja.

Selain itu, penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam sektor industri juga membantu memperkukuh hubungan antara organisasi dengan masyarakat.

Pengguna lebih mudah memahami maklumat produk, iklan dan

perkhidmatan apabila disampaikan dalam bahasa yang dekat dengan kehidupan mereka.



Dalam dunia pemasaran moden, bahasa bukan sekadar alat komunikasi tetapi juga strategi membina emosi dan kepercayaan pengguna.

Syarikat yang mampu menggunakan bahasa Melayu secara kreatif dan profesional sebenarnya mempunyai kelebihan untuk mendekati pasaran tempatan dengan lebih berkesan.

Ketahui lebih lanjut

Manifesto Negeri Sembilan

Analisis pilihan raya

Pilihan Raya Negeri

Namun begitu, cabaran terbesar bahasa Melayu hari ini ialah dominasi budaya bahasa rojak dalam komunikasi industri dan digital.

Penggunaan istilah campuran secara berlebihan dalam media sosial, pengiklanan dan komunikasi korporat semakin menjadi kebiasaan.

Situasi ini bukan sahaja menjejaskan mutu bahasa, malah boleh menghakis keyakinan generasi muda terhadap kemampuan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan profesional.

Jika keadaan ini berterusan, bahasa Melayu berisiko hanya digunakan dalam

konteks tidak formal sedangkan bahasa asing menguasai ruang ekonomi dan teknologi.

Dalam era Revolusi Industri 4.0 dan kecerdasan buatan (AI), pemeriksaan bahasa Melayu menjadi semakin penting.

Teknologi masa depan bergantung pada data bahasa, sistem digital dan pembangunan aplikasi pintar.

Ketahui lebih lanjut

Berita PMX

Berita sukan

Berita politik

Jika bahasa Melayu tidak diperkasakan dalam ekosistem teknologi, bahasa ini akan ketinggalan dalam pembangunan digital global.

Keadaan ini dapat dilihat apabila banyak sistem teknologi, aplikasi dan platform digital masih kurang menyokong penggunaan bahasa Melayu secara menyeluruh.



Dalam era Revolusi Industri 4.0 dan kecerdasan buatan (AI), pemerikasaan bahasa Melayu menjadi semakin penting.

Lebih membimbangkan, terdapat syarikat tempatan yang lebih selesa menggunakan istilah asing walaupun padanan bahasa Melayu telah tersedia.

Ketahui lebih lanjut

Pulau & Pantai

Pertahanan negara

Panduan Perjalanan & Kisah Perjalanan

Fenomena ini akhirnya melahirkan generasi pekerja yang semakin jauh daripada penggunaan bahasa kebangsaan dalam suasana profesional.

Jika dibiarkan berterusan, tidak mustahil bahasa Melayu hanya tinggal sebagai bahasa komunikasi harian, sedangkan bahasa ilmu, ekonomi dan teknologi dikuasai sepenuhnya oleh bahasa asing.

Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan martabat bahasa, malah boleh melemahkan identiti bangsa dalam jangka panjang.

Oleh sebab itu, usaha membina korpus bahasa Melayu, sistem terjemahan automatik, teknologi pengecaman suara dan aplikasi kecerdasan buatan tempatan perlu dipergiatkan.

Bahasa Melayu tidak boleh hanya menjadi bahasa pengguna teknologi, sebaliknya perlu berkembang sebagai bahasa pencipta teknologi.



Universiti, industri dan agensi kerajaan perlu bekerjasama menghasilkan lebih banyak inovasi digital berasaskan bahasa Melayu agar bahasa ini terus relevan dalam dunia moden.

Dalam masa yang sama, institusi pendidikan juga memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan yang yakin menggunakan bahasa Melayu dalam suasana profesional.

Penguasaan bahasa asing memang penting untuk daya saing global, namun hal tersebut tidak bermaksud Bahasa Melayu perlu dipinggirkan.

Graduan seharusnya mampu menjadi dwibahasa atau multibahasa tanpa kehilangan identiti bahasa sendiri.

Sikap malu menggunakan bahasa Melayu dalam sektor profesional perlu diubah kerana bahasa kebangsaan ialah lambang maruah negara.

Kerajaan boleh memperkukuh usaha pemeriksaan bahasa Melayu melalui dasar dan insentif kepada sektor industri.

Penggunaan bahasa Melayu dalam dokumentasi rasmi, latihan pekerja, papan tanda dan  [komunikasi](#) korporat boleh diperluaskan secara lebih sistematik.

Pada masa yang sama, penghasilan istilah baharu dalam bidang teknologi, kejuruteraan dan industri perlu terus diperkaya agar bahasa Melayu mampu berkembang seiring perubahan zaman.



Kesimpulannya, pemeriksaan bahasa Melayu dalam industri boleh membina keseimbangan

antara identiti nasional dengan keperluan global.

Sesebuah negara yang maju bukanlah negara yang meninggalkan bahasanya sendiri demi mengejar kemodenan, tetapi negara yang mampu membawa bahasa kebangsaan bergerak bersama arus pembangunan.

Bahasa Melayu perlu terus diperkasakan agar kekal menjadi bahasa ilmu, bahasa ekonomi dan bahasa masa depan negara.

Jika bahasa ini terus dipinggirkan dalam dunia industri, kita sebenarnya sedang kehilangan sebahagian daripada jati diri bangsa sendiri.

ARTIKEL OLEH:

- Artikel ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak mewakili pendirian Malaysia Tribune



Langganan berita premium

bahasa melayu

dr nurul jamilah rosly

pemeriksaan

Berita dunia



[Liputan hiburan terkini](#)



Bahasa Melayu perlu terus diperkasakan agar kekal menjadi bahasa ilmu, bahasa [ekonomi](#) dan bahasa masa depan negara. [Kamus & Ensiklopedia](#)

Jika bahasa ini terus dipinggirkan dalam dunia industri, kita sebenarnya sedang kehilangan sebahagian daripada jati diri bangsa sendiri.

ARTIKEL OLEH:



DR NURUL JAMILAH ROSLY

Penulis merupakan Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Bahasa Kontemporari dan Pelancongan Lestari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

- Artikel ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak mewakili pendirian Malaysia Tribune